



## KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA (National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia)

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org / nutphq@gmail.com Laman Web: <http://www.nutp.org>

**f** : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq

**Presiden**

**Sdr. Kamarozaman Bin Abd. Razak**

**Setiausaha Agung**

**Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK**

### KENYATAAN AKHBAR

**Kepada :** Ketua Pengarang  
Semua Akhbar dan Media Tempatan

**Daripada :** Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK  
Setiausaha Agung NUTP

**No. H/P :** 012-6358065

**Tarikh :** 11 OKTOBER 2018


#### PENGISIAN SISTEM INDEKS KUALITI NILAM (IQ NILAM) MEMBE BANKAN GURU

Dalam usaha NUTP memperjuangkan mengenai Tugas-Tugas Guru Yang Tidak Relevan, kini guru-guru terbeban pula dengan isu pengisian Sistem Indeks Kualiti NILAM (IQ NILAM). Pihak NUTP berasa amat kecewa dengan tindakan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang kini memberi tekanan terhadap guru-guru dengan mewujudkan IQ NILAM.

Pihak NUTP telah menerima aduan daripada guru-guru dari negeri Selangor, Kedah dan Kelantan mengenai isu pengisian IQ NILAM ini. Untuk makluman, guru-guru ini diminta untuk mengisi data terkini (2018) Program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) berpandukan buku rekod bacaan NILAM yang telah diisi oleh murid sebelum itu. Namun, guru-guru ini berhadapan dengan pelbagai masalah yang membebankan dan di antaranya adalah seperti berikut:

- i. Guru-guru terpaksa berlumba-lumba untuk mengisi maklumat NILAM setiap murid dalam tempoh yang diberi iaitu pada 1 Oktober hingga 30 November 2018.
- ii. Guru-guru terpaksa mengisi maklumat NILAM murid sebanyak 3 kali dalam setahun.

.../2



**KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA**  
**(National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia)**

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org / nutphq@gmail.com Laman Web: <http://www.nutp.org>

**f** : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq

**Presiden**

**Sdr. Kamarozaman Bin Abd. Razak**

**Setiausaha Agung**

**Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK**

-2-

- iii. Jaringan internet yang terlalu perlahan (*slow loading*) dan adakalanya tidak boleh diakses menyebabkan guru gagal mengisi data yang diminta pada masa yang ditetapkan.
- iv. Proses pengisian adalah merumitkan kerana murid perlu merekod bahan bacaan mereka dalam buku NILAM dahulu dan guru kelas pula perlu memindahkan maklumat tersebut secara atas talian (online).
- v. Seorang guru perlu mengisi data dalam IQ NILAM mengikut bilangan murid dalam kelasnya.

Pihak NUTP tidak dapat melihat secara jelas apakah kelebihan dan kegunaan data tersebut kepada guru-guru yang terlibat sedangkan program ini hanya menjurus kepada penarafan bintang dan anugerah di peringkat kebangsaan.

Oleh itu, pihak NUTP ingin menegaskan bahawa IQ NILAM perlu dihapuskan agar guru tidak dibebankan dengan tugas-tugas yang tidak relevan dan dapat memberi lebih masa 'face time' bersama murid-murid mereka.

**HARRY TAN HUAT HOCK, PJK**  
**SETIAUSAHA AGUNG NUTP**

## PANDUAN PENGISIAN DATA NILAM DI DALAM IQ-NILAM

---

Buka laman web berikut :-

◦ <https://iqnilam.moe.gov.my/>

Laman web tersebut boleh di buka dengan menaip di bar alamat enjin pencarian.




# PENARAFAN BINTANG

Penarafan Bintang adalah berdasarkan jumlah bahan murid.

## TINGKATAN T4 4 STEM 1 SEKOLAH MENENGAH

Show 10 entries

No.	No Kad Penganalan	Nama	BIL. BUKU	JUMLAH MG	BIL. BB	JUM MG	JUM BAHAN	JUM AKTIVITI	IQ-NILAM	Utiliti
1			228	7700	102	308	801	511	1.55	

### Sekolah Rendah

- ≥ 144 1 bintang
- ≥ 288 2 bintang
- ≥ 432 3 bintang
- ≥ 576 4 bintang
- ≥ 720 5 bintang

### Sekolah Menengah

- ≥ 120 1 bintang
- ≥ 240 2 bintang
- ≥ 360 3 bintang
- ≥ 480 4 bintang
- ≥ 600 5 bintang

\*\*Walau bagaimanapun, simbol bintang akan muncul apabila murid telah mencapai IQNILAM = 1 atau lebih.



Ruj. Kami : KPM.100-3/1/20Jld.3(31)  
Tarikh : 5 September 2018

**Pengarah Pendidikan Negeri  
(Seperti dalam Lampiran A)**

YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan,

**PENGISIAN DATA NILAM 2018 DI DALAM SISTEM INDEKS KUALITI NILAM**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, Sistem Indeks Kualiti NILAM (IQNILAM) telah dibina untuk memudahkan pihak sekolah terutama guru kelas/GPM/NILAM untuk merekod bahan bacaan murid. Sistem tersebut telah siap dipasang dan sedia digunakan bermula **3 September 2018**.

3. Sehubungan itu, pihak kami memohon jasa baik dan kerjasama pihak YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan untuk memaklumkan kepada semua Sekolah Rendah (Tahun 1 hingga Tahun 6) dan Sekolah Menengah (Peralihan hingga Tingkatan 6) di bawah pentadbiran YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan untuk mengisi **data terkini (2018)** Program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) berpandukan buku rekod bacaan NILAM yang telah diisi oleh murid.

4. Langkah-langkah pengisian data NILAM ke dalam sistem IQNILAM adalah seperti **Lampiran 1**. Sekiranya terdapat sebarang masalah atau kemusykilan, dimohon menghubungi pegawai meja bantuan seperti di **Lampiran 2**. Pihak YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan juga boleh memberi sebarang cadangan penambahbaikan melalui menu **maklumbalas** di dalam sistem tersebut.

5. Semoga sistem ini dapat meningkatkan kelancaran pelaksanaan Program NILAM dan seterusnya melestarikan budaya membaca dalam kalangan murid.

Kerjasama, perhatian dan sokongan pihak YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

**PENGISIAN DATA NILAM 2018 DI DALAM SISTEM INDEKS KUALITI NILAM**

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(ZAIDI BIN YAZID)**

Pengarah

Bahagian Teknologi Pendidikan

Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k:

1. Pengarah  
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
2. Pengarah  
Bahagian Teknikal dan Vokasional
3. Pengarah  
Bahagian Pendidikan Islam
4. Pengarah  
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah  
Kecemerlangan
5. Pengarah  
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
6. Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri